Another initiative I am excited about is a global youth reproductive choices survey that UNFPA will initiate. The survey aims to understand how 15 to 40-year-olds across 50 countries approach reproductive choices, what barriers and enablers they face related to those choices, and how those choices differ by country, socio-economic status and other variables.

Preliminary results are expected late this year and will be insightful for those working or interested in population dynamics and policymaking. This is especially insightful when many countries are grappling with below replacement fertility rates, fast-ageing societies, and the strains these are having on individuals - almost always women - who are simultaneously caring for their ageing parents and their children.

I hope this study will be interesting for Malaysia and spark a local, in-depth study on similar topics.

"Leaving no one behind" has been the guiding principle for us at UNFPA as well as for the broader United Nations system as we accelerate to the 2030 finish line for the SDGs.

Thus, it is even more imperative that we harness the power of data to identify who is furthest behind and work harder and faster to reach them. Time is not on our side!

Sustainable, inclusive development in line with the core values of Malaysia Madani can only be achieved when our data accounts for women and girls across Malaysia.

# Kurang tenaga kerja wanita, ancam kemunduran sosial



Oleh CATHERINE IRENE MILTON 8 April 2025, 11:30 am

Wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial sesebuah negara.

Namun, penyertaan golongan ini dalam pasaran kerja di Malaysia dilaporkan merosot secara drastik, apabila semakin ramai memilih untuk meninggalkan kerjaya.

Susulan itu, fenomena tersebut menimbulkan kebimbangan terhadap keseimbangan gender dalam sektor pekerjaan.

Jika situasi ini berlarutan dari tahun ke tahun, ia akan membawa implikasi jangka panjang terhadap pertumbuhan ekonomi negara.



**Dominasi lelaki dalam sektor pekerjaan**
Menurut pakar ekonomi, Prof. Dr. Abu Sofian Yaacob,penurunan penyertaan wanita dalam tenaga kerja membuka ruang kepada monopoli lelaki dalam sektor pekerjaan.

"Dalam jangka panjang, dominasi ini boleh menghakis keseimbangan dalam proses membuat keputusan

"Selain itu, ia akan mengehadkan kepelbagaian perspektif yang diperlukan daripada tenaga wanita untuk mencipta inovasi dalam sesebuah organisasi," katanya baru-baru ini.

Ketiadaan suara wanita dalam tenaga kerja juga boleh menyebabkan ketidakadilan dalam struktur gaji, peluang kenaikan pangkat serta polisi tempat kerja yang kurang inklusif.

Beliau meramalkan, jika trend ini berterusan, ia bakal menjejaskan daya saing tenaga kerja negara dan mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi yang lebih ketara.

**Kemerosotan daya saing**
Katanya, penurunan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan mengakibatkan pengurangan kepelbagaian pemikiran, kreativiti dan inovasi yang diperlukan dalam dunia perniagaan.

"Wanita membawa perspektif unik yang mampu meningkatkan kualiti keputusan dan keberkesanan pengurusan organisasi.

"Ketiadaan mereka boleh memperlahankan pertumbuhan syarikat serta mengurangkan daya saing Malaysia di peringkat global," katanya.

Selain itu, pembaziran sumber tenaga kerja berkemahiran tinggi akibat pengunduran wanita daripada dunia pekerjaan memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan pelaburan yang besar dalam pendidikan tinggi wanita, tenaga kerja yang berpotensi ini tidak dimanfaatkan secara optimum, lalu menyebabkan kadar pulangan terhadap pelaburan pendidikan semakin berkurangan.



**Persepsi pendidikan disalah anggap**
Sementara itu, Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff menjelaskan apabila wanita berpendidikan tinggi memilih untuk tidak bekerja, ia boleh mencetuskan persepsi yang kurang tepat dalam kalangan generasi muda.

Hal ini bakal memberi kesan kepada kanak-kanak dan remaja perempuan dalam membentuk pandangan mereka terhadap kepentingan pendidikan serta kerjaya.

"Kanak-kanak yang membesar dalam persekitaran di mana ibu mereka yang berkelulusan tinggi tidak bekerja mungkin akan menganggap yang pendidikan tinggi bukan suatu keperluan untuk wanita," katanya.

Perkara itu, boleh melemahkan motivasi mereka untuk mengejar pencapaian akademik yang lebih tinggi, sekali gus mengurangkan penyertaan wanita dalam sektor profesional pada masa akan datang.

Lebih membimbangkan, kewujudan stereotaip gender yang menempatkan wanita dalam ruang domestik semata-mata akan terus mengukuhkan norma sosial yang menyekat kebebasan mereka.

Keadaan ini bukan sahaja menghalang wanita daripada menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara, tetapi juga mengehadkan potensi mereka dalam bidang profesional, kepemimpinan, dan keusahawanan.

# Masih tidak cukup wanita pembuat keputusan

Published on: Tuesday, April 08, 2025



Azizah menyokong inisiatif berstruktur untuk meningkatkan kehadiran wanita di seluruh sektor awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

**KOTA KINABALU:** Kemajuan Sabah dalam kesaksamaan gender dalam peranan membuat keputusan masih ketinggalan, dengan wanita hanya memegang 14 peratus daripada jawatan tersebut dalam sektor awam, menurut Pengerusi Institut Kajian Pembangunan (IDS) Sabah Datuk Seri Azizah Mohd Dun.

Walaupun wanita membentuk 24 peratus pembuat keputusan dalam agensi milik kerajaan, termasuk CEO dan ahli lembaga pengarah, perwakilan dalam pihak berkuasa tempatan kekal rendah.

Azizah menyokong inisiatif berstruktur untuk meningkatkan kehadiran wanita di seluruh sektor awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Bagaimanapun, beliau menonjolkan trend positif dalam keusahawanan, dengan wanita memiliki 69.3 peratus PKS, menggambarkan sumbangan ekonomi mereka.

Sokongan kerajaan melalui program latihan (memanfaatkan 17,290 wanita) dan inisiatif seperti program Omega (memperkasa ibu tunggal dan balu) disebut sebagai langkah positif.




# Rai rumah terbuka tanpa abai OKU, semai empati dan inklusiviti

Kolum - Dicipta: 08 April 2025 12:02 PM



*Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Kadun Jawi 2025 di Nibong Tebal pada 6 April 2025/Foto hiasan - Bernama*

SAUDARA PENGARANG

Hari Raya Aidilfitri adalah simbol kesyukuran, kemeriahan, dan kekeluargaan. Namun, bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dan keluarga mereka, perayaan ini seringkali dikelilingi cabaran yang mungkin mengasingkan mereka. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai 664,063 OKU berdaftar di Malaysia sehingga 2023. Manakala Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO) menganggarkan secara purata 12-15% jumlah penduduk sesebuah negara tergolong dalam kategori OKU disebabkan pelbagai faktor dan risiko.

Ini menunjukkan kepentingan inklusiviti OKU semasa hari raya mahupun semasa semua musim perayaan utama dan peranan masyarakat dalam menyantuni mereka. Juga, strategi ibu bapa untuk mendidik serta memperkasakan anak serta ahli keluarga mereka yang berstatus OKU melalui advokasi.

Hari raya dan musim perayaan sering melibatkan suasana bising, rumah terbuka yang sesak, dan interaksi sosial yang intensif. Bagi OKU, terutama mereka dengan autisme atau gangguan deria, keadaan ini boleh mencetuskan tekanan. Kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (2020) mendapati 65% keluarga OKU mengelak menghadiri majlis kerana risiko *sensory overload*. Selain itu, halangan fizikal seperti tangga di rumah tradisional dan sikap masyarakat yang kurang memahami turut menyukarkan penyertaan OKU.

**Peranan Masyarakat: Langkah Praktikal Menyantuni OKU**

1.Persekitaran Deria Mesra OKU

Masyarakat boleh mencipta ruang "zon tenang" di rumah terbuka untuk OKU yang memerlukan rehat. Contohnya, komuniti di Singapura mengadakan rumah terbuka "senyap" semasa perayaan, dibantu oleh pertubuhan seperti *Autism Resource Centre*. Di Malaysia, inisiatif seperti Program Hari Raya Inklusif oleh OKU Sentral menyarankan penggunaan lampu redup dan mengurangkan bunyi kuat.

2. Aksesibiliti Fizikal

Menurut Konvensyen mengenai Hak OKU (CRPD) yang diratifikasi Malaysia pada 2010, aksesibiliti adalah hak asasi. Masyarakat boleh menyediakan laluan tanpa berhalangan di pintu masuk rumah dan lauan ke ruang tamu, atau menggunakan kerusi tambahan sebagai alternaf.

Perkara ini termasuklah kesediaan semua pihak untuk peka dan menyediakan penyesuaian munasabah bagi membolehkan semua yang ada dapat meraikan musim perayaan dengan gembira dan harmoni dan turut mengambil kira kemudahan ahli keluaraga juga tetamu berstatus OKU. Data JKM (2022) menunjukkan hanya 30% rumah OKU di Malaysia diubahsuai untuk aksesibiliti, menekankan perlunya kesedaran awam.

3.Pendidikan Sosial

Menggalakkan interaksi inklusif seperti melibatkan OKU dalam aktiviti sesuai, dengan suasana hari raya dan tahap keupayaan OKU yang terlibat sama ada sebagai sebahagian tuan rumah atau rombongan yang berziarah.

Program kesedaran yang dimulakan di sekolah dan tempat kerja ibu bapa atau individu OKU turut menampakkan kesan positif. Kajian UNESCO (2021) menunjukkan program kesedaran di sekolah mampu mengurangkan stigma terhadap OKU sebanyak 40%.

**Ibu Bapa sebagai Agen Advokasi**

Ibu bapa anak OKU memikul tanggungjawab besar untuk mendidik masyarakat. Antara strategi yang boleh diusahakan adalah dengan memberitahu ahli keluarga tentang keperluan anak dan ahli keluarga yang terlibat , seperti meminta mereka mengurangkan bunyi kuat jika terdapat ciri sensitif deria. Komunikasi berhemah dan berkesan diharapkan dapat membina pengalaman berharga ahli keluarga bersama dalam menyantuni OKU. Para ibu bapa juga boleh berkongsi infografik atau video tentang cara berinteraksi dengan OKU.

Para Ibubapa juga digalakkan menyertai kommuniti dan persatuan yang berkaitan dengan kategori OKU anak dan ahli keluarga untuk sama-sama memberi dan mendapatkan sokongan dan sumber untuk advokasi. Kajian melalui *Journal of Disability Studies* (2022) membuktikan ibu bapa yang aktif dalam NGO lebih berjaya membina empati komuniti. Persatuan-persatuan ini lazim menyediakan sumber dan informasi dalam pelbagai format untuk menyokong aktiviti advokasi dan pemerkasaan komuniti OKU.

**Musim Perayaan sebagai Platform Perubahan**

Perayaan adalah masa ideal untuk mempromosikan inklusiviti kerana ia melibatkan semua lapisan masyarakat. Di Jepun, festival tempatan menyediakan penterjemah bahasa isyarat, manakala di India, perayaan Deepavali diadaptasi dengan permainan inklusif. Di Malaysia, kempen "Raya Untuk Semua" oleh Kementerian Pembangunan Wanita pada 2023 berjaya menarik 10,000 peserta, termasuk 2,000 OKU, menunjukkan potensi besar perayaan sebagai medium advokasi.

Hari raya dan musim perayaan bukan sekadar meraikan tradisi, tetapi peluang emas untuk membina masyarakat yang lebih inklusif dan berempati. Dalam konteks ini, suasana kemeriahan yang merentasi agama, budaya, dan generasi menjadi medan efektif untuk mendidik masyarakat tentang kepelbagaian keupayaan.

Contohnya, di Jepun, Festival Obon (festival menyambut roh nenek moyang) menyediakan penterjemah bahasa isyarat dan papan maklumat bertulisan Braille, membolehkan OKU pendengaran dan penglihatan turut serta dalam ritual penting ini. Langkah ini bukan sahaja memudahkan akses, tetapi menunjukkan bahawa penglibatan OKU dalam masyarakat adalah hak, bukan keistimewaan.

Di India, semasa Deepavali, komuniti setempat memperkenalkan permainan inklusif seperti rangoli (seni corak berwarna) yang diadaptasi untuk kanak-kanak dengan palsi serebrum menggunakan alat bantu khas. Aktiviti ini menggalakkan interaksi antara OKU dan bukan OKU, lantas menghindari stigma. Kajian oleh *Indian Journal of Community Psychology* (2022) mendapati 78% peserta bukan OKU melaporkan peningkatan pemahaman tentang cabaran harian OKU selepas menyertai program seumpama ini. Di Malaysia, kempen "Raya Untuk Semua" wajar dilaksanakan bukan sekadar mengadakan rumah terbuka, tetapi merangka aktiviti berstruktur seperti:

**i. Sesi Bercerita Inklusif:**
OKU dan keluarga mereka berkongsi pengalaman melalui platform interaktif, membantu masyarakat memahami keperluan unik mereka.

**ii. Bazaar Mesra OKU:**
Gerai jualan dikendalikan oleh usahawan OKU dengan bantuan relawan, mempromosikan kemandirian ekonomi sambil membina keyakinan masyarakat terhadap keupayaan OKU.

**iii. Simulasi Gangguan Deria:**
Pengunjung diajak mengalami simulasi sensory overload (seperti memakai fon telinga dengan bunyi bising) untuk merasai cabaran OKU autistik.

Kempen seperti ini mampu mewujudkan ruang interaksi dengan menggunakan pendekatan "belajar melalui pengalaman" (experiential learning) lebih berkesan dalam menanam empati berbanding ceramah konvensional.

Gabungan teknologi dan seni boleh dimanfaatkan untuk memperluas impak dan meningkatkan empati. Contohnya, penggunaan *augmented reality* (AR) untuk mensimulasikan pengalaman OKU dalam aktiviti tradisi seperti menyediakan hidangan raya. Di Sweden, projek Empathy Mirror menggunakan AR untuk menunjukkan bagaimana individu dengan disleksia melihat tulisan, menarik perhatian 500,000 pengguna dalam tempoh sebulan.

Di Malaysia, inisiatif seperti "Raya Tanpa Sempadan" oleh Persatuan OKU Johor menggunakan aplikasi mudah alih untuk mengajar bahasa isyarat asas semasa kunjungan rumah, merapatkan komunikasi dan meningkatkan empati melambangkan iklusiviti.

Selain itu, kerjasama strategik dengan influencer media sosial mampu menyemarakkan mesej inklusiviti. Sebagai contoh inisiatif kempen #RayaBersamaOKU menampilkan kisah kegembiraan OKU menyambut hari raya dengan kasih sayang keluarga dan masyarakat sekaliling dengan penglibatan OKU dari pelbagai bidang termasuk dalam seni dan keusahawanan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran, tetapi turut mengubah naratif masyarakat daripada melihat OKU sebagai "penerima bantuan" kepada "agen perubahan".

Perkara ini boleh dijayakan dengan penglibatan dan sokongan pelbagai pihak yang seedar OKU juga boleh menjadi ahli masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia yang kita cintai, jika ruang yang dan peluang yang tepat dan bersesuaian diberikan. Peluang ini harus dimanafaatkan semua pihak dan lapisan masyarakat. Musim perayaan adalah detik di mana nilai kemanusiaan dan kekitaan berada di puncaknya.

Dengan merangka aktiviti yang menggabungkan pendidikan, pengalaman langsung dengan penglibatan OKU dalam aktiviti berziarah dan teknologi, masyarakat bukan sahaja dapat "meraikan" OKU, tetapi secara proaktif membina dunia yang mengiktiraf kepelbagaian sebagai kekuatan.

Inklusiviti OKU adalah kewajipan moral masyarakat yang harus di lihat sebagai pelaburan untuk masyarakat harmoni. Dengan langkah praktikal, kesedaran melalui pendidikan, dan sokongan kepada ibu bapa, hari raya boleh menjadi pemangkin perubahan kerana semua insan layak untuk bergembira dan merasa diraikan.

*Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.*



Dr Mastura Mahamed
Penyelidik
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)
Universiti Putra Malaysia
E-mel: mastura.mahamed@upm.edu.my



*Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samalaju, Dato Majang Renggi menyampaikan bantuan kepada mangsa kebakaran rumah setinggan Sungai Plan yang diwakili oleh Ketua Kampung Rumah Malam, Malam Adam hari ini. Foto Vanessa Enjop (TVS)*

# Segerakan penempatan baharu untuk mangsa kebakaran di Sungai Plan

By *Vanessa Enjop* #bm, Berita Sarawak April 8, 2025 6:29 PM

BINTULU, 8 April: Insiden kebakaran membabitkan 17 rumah setinggan di Sungai Plan, Jalan Tanjung Kidurong pada Isnin menjadi keperluan mendesak terhadap perancangan jangka panjang penempatan semula komuniti berisiko.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samalaju, Dato Majang Renggi berkata, isu penempatan semula mangsa kebakaran perlu dipertimbangkan secara serius oleh pihak berwajib memandangkan kawasan yang terbakar merupakan penempatan padat yang mudah terdedah kepada risiko kebakaran.

"Untuk perancangan penempatan baru, saya serahkan perkara ini kepada pihak yang berkaitan," katanya ketika ditemui selepas meninjau lokasi kebakaran di sini, hari ini.

Menurutnya, pihak Pejabat Daerah telah memaklumkan bahawa ramai mangsa kebakaran memilih untuk menumpang sementara di rumah ahli keluarga terdekat.

"Saya turut dimaklumkan oleh Pejabat Pegawai Daerah, di mana mereka ada bertanya dengan mangsa-mangsa kebakaran berkenaan dengan cara-cara pemindahan… dan mereka berkata setakat semalam, ramai yang tinggal sementara di rumah-rumah saudara mara mereka," ujarnya.

Tambahnya, bantuan awal telah disalurkan kepada mangsa oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan gereja Methodist sejak Isnin, manakala syarikat seperti PETRONAS turut menyumbang bantuan dari segi makanan dan keperluan lain.

"Pada pagi ini, pihak PETRONAS juga turut datang menghulurkan bantuan dari segi makanan, dan barang-barang yang lain. Begitu juga dengan mereka dari Jabatan Kebajikan yang turut menghantar bantuan sekali lagi pagi ini dari segi tilam, pakaian," tambahnya.

Kejadian itu yang meragut nyawa seorang wanita warga emas, Nuie Ipang, 77 tahun, ditemui rentung manakala 17 rumah setinggan musnah dalam kebakaran yang mengorbankan tempat tinggal 93 orang. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa.-TVS




# Mereka sudah melampau

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



Pendang: "Perbuatan anak-anak jiran yang masih kecil itu sangat tidak berperikemanusiaan hingga kami hilang sabar dan terpaksa membuat laporan polis," kata Nor Zaihan Muhammad Yusof, 29.

Menurutnya, abang sulungnya yang berusia 40 tahun menghidap Skizofrenia sering menjadi mangsa gangguan anak-anak jiran mereka.

Katanya, dalam kejadian terbaru, anak jirannya itu didakwa kencing di atas badan abangnya yang berstatus orang kurang upaya (OKU) itu menyebabkan mereka sekeluarga hilang sabar.

"Kami sekeluarga sudah cuba sedaya upaya menjaga abang tetapi kami kecewa, sedih dan marah apabila ada yang memperlakukan dia dengan keji.

"Ada yang berani masuk ke kawasan rumah kami semata-mata mahu mengganggu serta menyerang abang secara fizikal dan emosi," katanya yang menetap di Kubur Panjang, di sini.

Nor Zaihan berkata, lebih mengecewakan dan menyedihkan apabila semua yang terbabit melakukan perbuatan itu ke atas abangnya adalah kanak-kanak bawah umur yang bebas berkelakuan sedemikian di hadapan ibu bapa mereka.

"Ibu bapa mereka sendiri juga seolah-olah bersikap lepas tangan dengan kelakuan nakal anak-anak mereka," katanya.

Sebelum itu, Nor Zaihan berkongsi di media sosial Facebook (FB) miliknya pada 3 April lalu dengan memaklumkan abangnya itu didiagnosis dengan penyakit Skizofrenia sejak berusia enam tahun.

Katanya, keluarganya sudah berkorban selama 40 tahun untuk menjaga keselamatan abangnya termasuk memastikan pagar rumah sentiasa berkunci dan tingkap bilik dipagar dengan besi.

"Kami sudah sedaya upaya menjaga abang dengan penuh kasih sayang, tetapi anak jiran-jiran ini mempersendakan penyakit abang saya dan menjadikannya sebagai jenaka.

"Sebelum ini, abang saya pernah mengadu dibaling batu oleh anak-anak jiran, tetapi kami tiada bukti.

"Malah baru-baru ini, saya sendiri melihat mereka membaling mercun bola ke arah abang saya yang sedang duduk di garaj rumah.

"Selepas itu kami melihat kembali rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukkan mereka mencucuh baju yang disidai di pagar rumah kami dengan pemetik api dan memanjat pagar yang dikunci," jelasnya.

Katanya, dalam kejadian terbaru baru-baru ini ibunya mendakwa melihat kanak-kanak itu kencing pada badan abangnya dan tindakan itu dianggap keterlaluan.

"Disebabkan itu, saya nekad untuk membuat laporan di Balai Polis Kubur Panjang pada 3 April lalu bagi pihak abang.

"Selain itu, kami sekeluarga berharap supaya ibu bapa kanak-kanak terbabit dapat menasihatkan serta mendidik mereka supaya menjadi lebih baik.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Pendang, Superintendan Rodzi Abu Hassan ketika dihubungi mengesahkan pihaknya menerima laporan itu.

**Disiarkan pada: April 8, 2025 @ 2:17pm**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI WARGA ASING DITAHAN CUBA ROGOL KANAK-KANAK | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 APR 2025 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Lelaki warga asing ditahan cuba rogol kanak-kanak

**TAWAU:** Seorang lelaki warga asing disyaki cuba merogol kanak-kanak perempuan berjaya ditahan di Kampung Tanjung Batu Darat, di sini kelmarin.

Suspek berusia 31 tahun itu ditahan oleh anggota polis Unit Kereta Peronda (MPV) semasa menjalankan tugas rondaan di sekitar daerah Tawau, kira-kira jam 11.15 pagi.

Ketua Polis Daerah Tawau Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata pihaknya menerima panggilan mengenai seorang lelaki yang ditangkap oleh orang awam berkaitan kes rogol.

Katanya, pasukan unit MPV yang sedang dalam tugas rondaan terus digerakkan ke lokasi kejadian untuk mendapatkan maklumat lanjut.

"Sebaik tiba, orang awam menyerahkan suspek kepada pihak polis kerana disyaki cuba merogol seorang kanak-kanak perempuan di kampung berkenaan.

"Pemeriksaan awal mendapati suspek tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah, namun tiada barang salah ditemui bersama suspek," katanya dalam kenyataan media di sini semalam.

Menurutnya, suspek terbabit kemudian ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau untuk siasatan lanjut.

"Suspek kini ditahan reman dan kes disiasat mengikut Seksyen 15(a)(2) Akta Kesalahan Seksual Kanak-Kanak," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SIBU MAN GETS 20-YEAR JAIL, TWO LASHES FOR RAPING UNDERAGE GIRL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 9 APR 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sibu man gets 20-year jail, two lashes for raping underage girl

**SIBU:** The Sessions Court here yesterday sentenced a 21-year-old man to a total of 20 years imprisonment and two strokes of the cane for raping a 15-year-old girl.

Judge Musyiri Peet convicted the man on his own guilty plea to two counts of rape under Section 376(1) of the Penal Code, which carries a maximum 20 years' jail and caning upon conviction.

According to the first charge, the man raped the girl, with whom he was having an affair, on Feb 13 at 12.10am at a house here, while the second charge stated that he raped her again on Feb 17, at around 2.45pm, at the same location.

The man was sentenced to 10 years in jail and one stroke of the 'rotan' (cane) for each charge. The court also ordered for the jail sentences to run concurrently.

Based on the facts of the case, the man's wife informed the complainant that her husband was having an affair with the complainant's daughter.

When the complainant confronted his daughter, she admitted to being in a relationship with the man since February.

Suspecting that his daughter had sex with the man, the complainant lodged a police report, which led to the arrest on March 31.

The police investigation revealed that the man had sexual intercourse with the victim on two occasions.

Medical examination results indicated that the victim had hymenal tears.

Deputy public prosecutor Cynthia Emmelda Jerry appeared for the prosecution, while the man did not have legal representation.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KUALA PILAH MAN DENIES BITING WIFE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 9 APR 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kuala Pilah man denies biting wife

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

**KUALA PILAH:** A 32-year-old man claimed trial at the Magistrate's Court here to a charge of causing injury to his wife.

Lee Jia Cheng pleaded not guilty after the charge was read to him before magistrate Yusna Khadijah Md Yusop.

He was charged with allegedly biting his wife, who is also 32, on her forehead, arms and shoulder at their home in Taman Wira Jaya.

The offence by the accused was allegedly committed around 3.20am on April 1.

The accused, who runs a provision shop, was charged under Section 323 of the Penal Code read together with Section 326A of the same legislation.

Offenders can be jailed for up to a year or fined up to RM2,000 or both upon conviction.

Section 326A provides for a prison term twice as long as the maximum term under Section 323.

The court allowed the accused to be released on a RM6,000 bail and ordered him to stay away from the victim and other witnesses until the case is disposed of.

He was also told to report to the nearest police station once a month.

Yusna Khadijah then fixed May 15 for remention.